

# Siswa UPM rai anak yatim

**SISWA.** Pelajar kelas Bakti Siswa dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil inisiatif untuk meluangkan masa bersama anak-anak yatim di Pusat Jagaan Baitul Hidayah yang terletak di Puchong, Selangor baru-baru ini.

Objektif program itu adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar UPM tentang tanggungjawab sosial terhadap anak-anak yatim, memupuk sifat penyayang kepada golongan

yang kurang bernasib baik dan membina semangat kerja berpasukan melalui aktiviti-aktiviti luar.

Pengarah program 'Hand-In-Hand', Mohammad Aidel berkata, anak yatim memerlukan belaian kasih sayang serta perhatian daripada masyarakat sekeliling kerana mereka perlu diberikan tunjuk ajar sewajarnya agar dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik dan sempurna.



**WAKIL** pelajar UPM menyerahkan sumbangan kepada Pengurus Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Noraimi Aziz (kanan) di Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong baru-baru ini.